

Headline	Tamatkan pengajian sebelum bertanding		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	16 Dec 2012	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	3	ArticleSize	234 cm ²
AdValue	RM 7,922	PR Value	RM 23,767



Tamatkan pengajian sebelum bertanding

» Pelajar IPT patut utama ijazah daripada sibuk berpolitik

Oleh Nazura Ngah

nazura@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Waktu terbaik pelajar menceburi politik secara serius dan menjadi calon pilihan raya hanya selepas bergelar graduan dan memperoleh pekerjaan.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Is-hak, berkata menuntut ilmu adalah amanah yang harus dipikul pelajar kerana pembiayaan pengajian dilakukan sama ada oleh ibu bapa mahupun daripada wang rakyat.

Namun, katanya terserah kepada kebijaksanaan pelajar khususnya bergelar pemimpin menentukan keutamaan kerana bukan calang-calang orang yang boleh memikul tanggungjawab besar sebagai pemimpin masyarakat.

Ilmu jadikan diri matang

Beliau yang juga Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara, berkata sebagai pendidik, beliau ingin melihat pelajar melengkapkan

diri dengan pelbagai ilmu untuk menjadi lebih matang.

“Pilihan di tangan mereka, jangan salahkan politik jika mereka tidak mampu menyeimbangkan masa antara pelajaran dan politik, jangan sampai yang dikejar tak dapat, dikendong pula bercirikan.

“Jika ada calon dalam kalangan pelajar pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), maka sejarah negara akan tercipta selepas pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang membuka peluang lebih luas untuk pelajar berpolitik,” katanya.

Sementara itu, ahli akademik, Prof Datuk Dr Ramlah Adam menyifatkan pelajar belum cukup matang menjadi calon kerana kurang pengalaman dan pendedahan terhadap kehidupan masyarakat.

Katanya kebenaran menuruskan pengajian walaupun menjadi calon dan kemudian wakil rakyat akan menimbulkan banyak persoalan dan masalah pada masa depan.

“Dari segi logik, calon yang

menang perlu duduk di kawasan, berkhidmat kepada pengundi sepenuh masa, bagaimana pelajar boleh memberikan tumpuan terhadap pelajaran tetapi pada masa sama perlu memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

“Jika hendak membenarkan pelajar menjadi calon, mereka perlu berhenti belajar kerana manusia tidak mampu melakukan dua pekerjaan pada satu-satu masa, malah tidak adil kepada orang yang mengundi calon itu,” katanya.

Timbul masalah

Ramlah berkata, masalah akan timbul jika calon perlu berhenti belajar kerana keadaan itu hanya akan melahirkan lebih ramai pemimpin tidak berilmu, sekali gus memberi kesan buruk kepada generasi akan datang.

Justeru itu, kebenaran pelajar bertanding pada PRU selaras pindaan AUKU perlu dikaji semula bagi mengelak lebih banyak masalah timbul pada masa depan.

Headline	Tamatkan pengajian sebelum bertanding		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	16 Dec 2012	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	3	ArticleSize	234 cm ²
AdValue	RM 7,922	PR Value	RM 23,767



Dr Mohamed Mustafa